

# Henti bangun kawasan berbukit

Kerajaan tak benar pembangunan di kawasan berisiko tinggi elakkan tanah runtuh

13-11 7/12/08 M1S4

dan melabi... dilulus





dan melobi supaya diluluskan, tidak belajar apa yang berlaku," katanya.

Najib berkata, Menteri Besar Selangor Tan Sri Khalid Ibrahim juga memberi jaminan kepadanya untuk tidak meluluskan permohonan pemaju untuk membangunkan kawasan berisiko tinggi.

Timbalan Perdana Menteri turut meminta orang ramai tidak mempersalahkan kerajaan apabila sesuatu kawasan yang tidak dibenarkan dilakukan pembangunan, tidak lagi berisiko selepas itu.


"Kita terpaksa ambil pendirian (sekarang) kalau terbukti kawasan itu berisiko tinggi. Kalau tidak boleh diterima, mereka yang tinggal di kawasan itu kena terima hakikat bahawa mereka mungkin terdedah kepada bahaya," katanya.

Beliau juga meminta masyarakat mengingati tragedi Highland Towers pada 11 Disember 1993, yang terletak tidak jauh dari Bukit Antarabangsa, dan mengorbankan 48 nyawa, akibat pergerakan aliran air bawah tanah yang tidak dapat dikesan.


Najib berkata pakar akan dilantik untuk menilai kawasan sekitar kerana ia dilihat sangat berisiko tinggi selepas dua kejadian tanah runtuh berlaku sebelum ini.

Sementara itu, Najib berpuas hati dengan tindakan pantas pasukan keselamatan menangani keadaan.

Katanya, operasi menyelamat terpaksa dilakukan secara berhati-hati kerana kawasan itu masih belum stabil.



**ABDULLAH dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah diberi penerangan oleh pegawai operasi mencari dan menyelamat mengenai kejadian tanah runtuh sejurus tiba untuk meninjau keadaan di kawasan Taman Bukit Mewah, semalam.**



**NAJIB bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor mendengar pengalaman mangsa ketika melawat kawasan tanah runtuh, semalam.**

**K**UALA LUMPUR: Berkuat kuasa serta-merta kerajaan tidak akan membenarkan pembangunan di kawasan berbukit berisiko tinggi bagi mengelakkan tragedi tanah runtuh berulang, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri meminta pemaju tidak lagi menekan kerajaan untuk melobi bagi mendapatkan kelulusan untuk membangunkan sesuatu projek di kawasan tanah tinggi.

"Saya fikir tidak ada alasan lagi untuk kita benarkan pembangunan di atas tanah yang curam dan tinggi serta berisiko tinggi. Ambil sikap pencegahan lebih baik daripada sesuatu kejadian yang mungkin berlaku."

"Kita perlu belajar daripada apa yang berlaku termasuk kejadian hari ini (semalam)," katanya ketika ditemui meninjau lokasi tanah runtuh di kawasan Taman Bukit Mewah, Hulu Klang dekat sini, semalam.

Turut melawat isteri beliau Datin Seri Rosmah Mansor.

Bagaimanapun, Najib tidak menolak kemungkinan pemaju akan terus menghantar permohonan apabila insiden tanah runtuh ini reda dan apabila orang ramai mula lupa akan kejadian itu.

"Ingatan manusia ini pendek. Tiga... enam bulan bila orang sudah lupa, pemaju akan sorong permohonan